

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [RANTAU PANJANG ]**  
**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk menyaman Kerajaan Negeri Perak bagi mendapatkan pengiktirafan hak tanah adat orang Asli seperti mana saman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED BIN HANIPA, TIMBALAN MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada tindakan guaman yang difaikkan terhadap Kerajaan Negeri Perak berhubung dengan pengiktirafan hak tanah adat orang Asli. Jabatan Peguam Negara juga tidak menerima apa-apa arahan untuk memulakan tindakan guaman terhadap Kerajaan Negeri Perak berhubung dengan isu tersebut.

Sekian, terima kasih.